

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD
WASALI [SIPITANG]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah diambil oleh Malaysia bagi menambahkan kuota haji dari negara ini, untuk membolehkan lebih ramai umat Islam ke Tanah Suci.

JAWAPAN: (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Amman, Jordan, telah memutuskan bahawa pihak Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1 % daripada penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan

Prospek Populasi Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
(*United Nation's World Population Prospect*).

Justeru, **kuota rasmi Malaysia** yang berasaskan perangkaan penduduk Malaysia pada masa kini adalah berjumlah 27,900 orang. Bagi musim haji 2015M/1436H, Kerajaan Arab Saudi telah mengurangkan jumlah kuota haji sebanyak 20 peratus bagi semua negara disebabkan oleh pembangunan, pembesaran dan penambahbaikan di sekitar Masjidil Haram. Oleh itu, kuota Jemaah Haji Malaysia pada musim ini adalah berjumlah 22,320 orang.

Namun begitu, Kerajaan pada setiap tahun mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan dan menghantar surat rayuan kepada Kerajaan Arab Saudi untuk dipertimbang bagi penambahan kuota bakal-bakal haji dari negara ini.

Sekian, terima kasih.